

08 SEP 2002

Mahathir-Hospital

PM MINTA HOSPITAL SWASTA KURANGKAN KADAR BAYARAN

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini meminta hospital swasta agar mengurangkan bayaran mereka terutama ke atas kes yang melibatkan pesakit golongan miskin yang terpaksa menjalani rawatan dan pembedahan.

Untuk berbuat demikian, Dr Mahathir mencadangkan para pakar agar melepaskan bayaran yang sebelum ini mereka ambil.

Beliau berkata ini berikutan laporan bahawa pesakit terpaksa menanggung kos yang tinggi bagi menjalani pembedahan di hospital swasta, sehingga menyebabkan sesetengahnya mencari pembiayaan dari orang ramai.

Dr Mahathir berkata sekiranya masyarakat Malaysia sanggup menyumbang, tidak ada sebab mengapa hospital swasta dan para pakar tidak boleh berbuat demikian.

"Saya tidak begitu yakin bahawa kosnya begitu tinggi. Saya fikir kalau pun kos hospital swasta tinggi, kalau orang ramai sanggup menderma hospital juga perlu menderma.

"Malah para pakar pun perlu melupakan bayaran yang selalunya mereka ambil. Saya yakin mereka juga prihatin seperti orang lain," katanya pada majlis makan malam ulang tahun ke-10 Institut Jantung Negara di sini malam ini.

Dr Mahathir turut hairan mengapa kos pembedahan tertentu sehingga mencecah RM200,000 hingga RM300,000.

"Apabila kita melihat jumlah yang diperlukan bagi pembedahan tertentu, kita kadang-kadang bertanya kepada diri kita sendiri siapa yang mendapat wang itu. Adakah ia pihak hospital, pakar, adakah kos pembedahan atau perubatan yang tinggi?" kata beliau.

Beliau berkata hospital swasta perlu munasabah dan mengurangkan bayaran, termasuk melepaskan yuran dan sebarang keuntungan yang mereka mungkin perolehi daripada pembedahan.

Perdana Menteri menambah: "Kita menangani dengan orang miskin. Jika mereka kaya, sembelehlah leher mereka dengan apa acara sekalipun. Dan saya tidaklah bermaksud begitu secara kasarnya."

Dr Mahathir berkata sesetengah pesakit secara kasarnya terpaksa mengemis wang untuk membolehkan mereka menjalani pembedahan, dan dalam banyak contoh, mereka berjaya.

Bagaimanapun, beliau berkata sesetengahnya tidak begitu bernasib baik seperti Sofea Qhairunnisa yang berusia 15 bulan yang meninggal dunia baru-baru ini sebab tidak cukup wang untuk menjalani pembedahan pada hempedunya.

Dr Mahathir menyifatkan kes itu sebagai tragedi yang boleh dielakkan sekiranya kes itu dirujuk kepada hospital kerajaan yang mengenakan bayaran lebih murah.

Perdana Menteri turut menasihati rakyat Malaysia agar mempunyai kepercayaan kepada doktor dan perkhidmatan perubatan tempatan daripada mendapatkan rawatan di luar negara.

Merujuk kepada pembedahan jantung beliau yang dilakukan oleh pakar jantung di Institut Jantung Negara sekitar 1980-an, Dr Mahathir berkata beliau ketika itu boleh memilih untuk mendapatkan rawatan di hospital terbaik di Amerika Syarikat.

"Tetapi saya lebih suka dibedah di sini sebab saya mempunyai keyakinan terhadap doktor Malaysia. Dan saya berfikir ianya tepat sebab jika tidak saya tidak akan berdiri di sini dan bercakap kepada anda," kata beliau yang

disambut dengan tepukan dari mereka yang hadir.

Dalam perkembangan berkaitan, Dr Mahathir menasihati rakyat Malaysia agar tdiak terlalu memikirkan soal sumbangan yang diterima personaliti televisyen Ras Adiba Radzi, bagi membolehkannya mendapat rawatan untuk penyakit lumpuh.

Perdana Menteri yang melawat Ras Adiba sebelum berlepas ke Australia bagi mendapat rawatan baru-baru ini, berkata ia merupakan tragedi bagi seseorang yang hilang keupayaan menggunakan kedua-dua belah kaki seperti laporan kes personaliti itu.

Mengenai perkara lain, Dr Mahathir berkata mereka di sektor awam dan swasta jangan terlalu memikirkan dengan jumlah wang yang mereka terima, sebaliknya mereka perlu mencapai kepuasan bekerja.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

-- BERNAMA

MAM MAM HM